

**AYAM FIESTA “GOOOOLLL!!! FIESTA MANIA! PERADUAN BELI & MENANG!”
TERMA DAN SYARAT**

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd. Suite 28.01, Level 28, Menara Citibank, 165 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Peraduan	AYAM FIESTA “GOOOOLLL!!! FIESTA MANIA! PERADUAN BELI & MENANG!”
Tempoh Peraduan	<p>Peraduan ini akan bermula dari 1 Jun 2026 pada 00:00:00 sehingga 31 Julai 2026 pada 23:59:59 (“Tempoh Peraduan”). Semua penyertaan yang diterima sebelum dan selepas Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Tempoh Peraduan ini dibahagikan kepada lima (5) Tempoh Dua Mingguan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">● Dua Mingguan 1: 1 Jun 2026, jam 00:00:00 (GMT+8) - 12 Jun 2026, jam 23:59:59 (GMT+8)● Dua Mingguan 2: 13 Jun 2026, jam 00:00:00 (GMT+8) - 24 Jun 2026, jam 23:59:59 (GMT+8)● Dua Mingguan 3: 25 Jun 2026, jam 00:00:00 (GMT+8) - 6 Julai 2026, jam 23:59:59 (GMT+8)● Dua Mingguan 4: 7 Julai 2026, jam 00:00:00 (GMT+8) - 18 Julai 2026, jam 23:59:59 (GMT+8)● Dua Mingguan 5: 19 Julai 2026, jam 00:00:00 (GMT+8)- 31 Julai 2026, jam 23:59:59 (GMT+8) <p>Pemenang bagi setiap kategori hadiah akan dipilih berdasarkan penyertaan yang diterima dalam setiap Tempoh Dua Mingguan yang dinyatakan di atas.</p> <p>Sebarang penyertaan yang diterima sebelum tarikh dan masa pembukaan atau selepas tarikh dan masa penutupan Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan atau menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.</p>
Kelayakan	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia (setiap seorang dirujuk sebagai “Peserta” dan secara kolektif, “Para Peserta”) yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas dengan nombor pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) pada atau sebelum 1 Januari 2026.</p> <p>Penganjur berhak untuk meminta Peserta mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sebagai bukti kelayakan dan bagi tujuan pengesahan identiti Peserta.</p> <p>Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:-</p> <ol style="list-style-type: none">a. Pekerja Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan syarikat yang berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka); ataub. Wakil, pekerja, kakitangan dan/atau ejen penyedia perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi bagi pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan

	<p>syarikat yang berkaitan), serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka).</p>
<p>Syarat-Syarat Penyertaan</p>	<p>Untuk menyertai peraduan ini, peserta dikehendaki mengikuti langkah-langkah berikut:-</p> <p>Langkah 1 - BELI Peserta perlu membeli mana-mana produk Ayam Fiesta dalam satu resit sepanjang Tempoh Peraduan. (Satu resit = satu penyertaan).</p> <p>Langkah 2 – IMBAS QR / WHATSAPP Imbas QR atau memulakan perbualan WhatsApp dengan nombor 019-206 7950.</p> <p>Langkah 3 – HANTAR Peserta perlu menghantar Bukti Pembelian bersama Nama Penuh (seperti dalam MyKad), Nombor NRIC, Nombor telefon bimbit dan menjawab satu soalan melalui nombor WhatsApp rasmi peraduan 019-206 7950.</p> <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Peserta mesti menyimpan resit asal untuk pengesahan pemenang dan tujuan penebusan hadiah. ● Semua pembelian mesti dibuat dalam Tempoh Peraduan. Sebarang pembelian yang dibuat sebelum atau selepas Tempoh Peraduan tidak akan layak. ● Semua peserta dikehendaki memberikan maklumat seperti berikut semasa menghantar penyertaan: <ul style="list-style-type: none"> a. Nama Penuh seperti dalam MyKad b. Nombor MyKad / MyPR c. Nombor Telefon Bimbit d. Peraduan ini adalah dianjurkan oleh jenama Ayam Fiesta. Betul atau salah? e. Gambar Resit / Invois Pembelian Rasmi sebagai bukti (Resit tulisan tangan tidak diterima) ● Jenis resit yang diterima termasuk: <ul style="list-style-type: none"> a. Resit Cetak dari kedai fizikal b. E-resit (invois) dari pembelian dalam talian di Shopee Official Store, Lazada Official Store, Foodpanda, Grab Mart, AEON Online, Lotus’s Online sahaja. ● Maklumat berikut mesti dipaparkan dengan jelas pada resit / invois pembelian: <ul style="list-style-type: none"> a. Produk yang dibeli dan harga b. Tarikh Pembelian c. Nama Kedai Bercetak / Cop Kedai d. Nombor Resit / Invois e. Alamat Penghantaran (Untuk E-resit sahaja) ● Setiap resit dengan pembelian mana-mana produk Ayam Fiesta adalah bersamaan

	<p>dengan SATU (1) penyertaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setiap resit hanya layak untuk satu kali penggunaan sahaja. Penyertaan yang menggunakan resit yang sama berulang akan dibatalkan. ● Tiada had kepada jumlah penyertaan peraduan yang boleh dihantar selagi dipenuhi sepanjang Tempoh Peraduan. ● Penyertaan berikut akan dibatalkan dan/ atau dilucutkan: <ul style="list-style-type: none"> a. Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, pendua, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau b. Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan. c. Menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau d. Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta. e. Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.
<p>Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang</p>	<p><u>Syarat-syarat Penyertaan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setiap penyertaan mesti dihantar melalui nombor WhatsApp rasmi peraduan yang diberikan. ● Pemenang akan dipilih secara rawak atas budi bicara mutlak Penganjur dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kaedah Penyertaan. ● Setiap Peserta dengan satu (1) nombor MyKad/MyPR hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. ● Semua penyertaan mesti lengkap dan mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik. ● Jika terdapat resit yang sama dihantar oleh 2 peserta / nombor WhatsApp yang berbeza, Penganjur hanya akan merekodkan penebusan yang pertama layak berdasarkan masa penghantaran. Penghantaran kedua peserta yang sama resit akan dianggap sebagai resit tidak sah. ● Sepanjang Tempoh Peraduan, peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan. Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya layak untuk memenangi maksimum: <ul style="list-style-type: none"> ● satu (1) Hadiah Dwi-Mingguan sahaja, iaitu sama ada satu (1) Philips 2000 Series 6.2L Airfryer atau satu (1) Touch 'n Go eWallet RM100; dan ● satu (1) Hadiah Akhir sahaja, iaitu sama ada satu (1) Hadiah Utama atau satu (1) Hadiah Khas. ● Hadiah peraduan ini seperti berikut: <p><u>Hadiah Akhir:</u></p>

	<ul style="list-style-type: none"> o Hadiah Utama: Gold Bar bernilai RM4,000 x tiga (3) pemenang o Hadiah Khas: Jersi Team Tulen bernilai RM549 x sepuluh (10) pemenang <p><u>Hadiah Dwi-Mingguan (bagi setiap tempoh dwi-mingguan):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> o Philips 2000 Series 6.2L Airfryer bernilai RM499 x lima (5) pemenang bagi setiap tempoh dwi-mingguan. o Kredit Touch 'n Go RM100 x empat puluh lima (45) pemenang bagi setiap tempoh dwi-mingguan.
Komunikasi Kepada Pemenang	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui WhatsApp dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari pengumuman pemenang. ● Sekiranya pemenang gagal menghubungi semula Penganjur dengan maklumat yang diminta dalam tempoh 3 hari, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan peserta. Penganjur tidak akan melayan sebarang pertanyaan, rayuan atau aduan berkaitan kesilapan peserta ini. ● Penganjur tidak akan bertanggungjawab jika pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab dan nombor telefon yang salah diberikan semasa tempoh peraduan.
Pengumuman Pemenang	<p>Nama pemenang bagi Hadiah Dwi-Mingguan akan diumumkan melalui saluran media sosial rasmi Penganjur seperti di bawah dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas berakhirnya setiap tempoh dwi-mingguan Peraduan.</p> <p>Manakala, nama pemenang bagi Hadiah Akhir akan diumumkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tamatnya Tempoh Peraduan.</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Ayam Fiesta Facebook dan/atau Instagram Account b. Lain-lain saluran yang ditetapkan oleh penganjur
Hadiah & Penebusan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemenang hadiah akan menerima Hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamatnya Tempoh peraduan. 2. Sekiranya berlaku sebarang kelewatan penghantaran disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka atau sebarang situasi di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak untuk mengatur penghantaran hadiah kepada Pemenang Peraduan dengan cara yang sesuai. Pemenang Peraduan hendaklah menyemak, menjejaki, dan membuat susulan terhadap status penghantaran hadiah mereka sendiri. 3. Pemenang- pemenang mesti memberikan nombor telefon bimbit yang dapat dihubungi. Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah pemenang jika hadiah tidak dapat dihantarkan disebabkan oleh isu pemenang (seperti: nombor telefon bimbit yang diberikan tidak dapat dihubungi, alamat penghantaran tidak betul dan lain-lain). 4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak menerima Hadiah akibat kecuaiian mereka sendiri, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberikan alamat yang salah, nombor telefon yang tidak sah, atau sebarang kesilapan lain dari pihak pemenang. 5. Pemenang-pemenang akan menerima atau menuntut hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas pengumuman pemenang. 6. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketentuan tuntutan

	<p>hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.</p> <p>7. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.</p> <p>8. Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.</p> <p>9. Semua Hadiah mesti diambil merujuk kepada dan mungkin tertakluk kepada Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.</p> <p>10. Hadiah diberikan berasaskan kepada “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahu pun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah.</p> <p>11. Keputusan Penganjur berkenaan pemilihan pemenang adalah muktamad, konklusif, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat atau pertikaian tidak akan dilayan.</p>
--	--

Jadual Syarat Penyertaan ini harus dibaca bersama dengan Syarat-Syarat Penyertaan, notis privasi kami yang disertakan dalam dokumen ini dan dasar Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Penganjur (secara keseluruhannya “Terma dan Syarat”) dan akan terpakai kepada semua peserta yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta-peserta”, “Peserta”, “anda”). Dengan menyertai Peraduan ini, anda dianggap telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan Maklumat Peribadi seperti yang dinyatakan di dalam notis privasi kami dan di laman sesawang Penganjur.

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Terma Kemasukan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual kepada Syarat Kemasukan, secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat", dan terpakai kepada semua peserta. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma Kemasukan dan Jadual kepada Syarat Kemasukan, Jadual kepada Syarat Kemasukan hendaklah diguna pakai. Setiap istilah yang dikapitalisasi jika tidak dinyatakan dalam Terma Kemasukan dan Jadual kepada Syarat Kemasukan hendaklah mempunyai makna yang ditakrifkan dalam Jadual kepada Syarat Kemasukan. Jika terdapat sebarang ketidakpastian dan perbezaan, Penganjur berhak untuk memutuskan, menerangkan, menyatakan dan/atau menentukan definisi yang paling tepat tentang ketidakpastian dan perbezaan tersebut.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta harus bersetuju bahawa penyertaan dalam Peraduan ini akan diteruskan dan menandakan penerimaan Terma dan Syarat (seperti yang dipinda).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat, dan tidak dapat dipertikaikan oleh semua peserta. Sebarang surat-menyurat atau rayuan berkaitan dengan penghakiman dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan menghantar penyertaan untuk Peraduan ini, peserta dianggap telah memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada telekomunikasi, rangkaian, kurier, pos dan semua caj lain serta perbelanjaan peribadi yang mungkin ditanggung semasa atau berkaitan dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, peninggalan, gangguan, penghapusan, kerosakan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, akses tanpa kebenaran, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah teknikal atau gangguan kepada sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau disebabkan oleh masalah teknikal akaun peserta atau kesesakan trafik internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Di mana umur kelayakan yang ditetapkan dalam Jadual kepada Syarat Kemasukan adalah di bawah umur lapan belas (18), Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang mungkin ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan dan menyerahkan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur mungkin meminta Peserta untuk menyediakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami-isteri, anak, ibubapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan/atau
- (b) Kakitangan agen-agen dan kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami-isteri, anak, ibubapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dibatalkan:

- (a) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, pendua, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.2 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.3 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan tuntutan hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil merujuk kepada dan mungkin tertakluk kepada Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan kepada "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahu pun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Semua gambar atau visual Hadiah yang dipaparkan dalam sebarang bahan promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada Hadiah sebenar yang diterima oleh Pemenang.
- 6.7 Bagi hadiah jersi berjenama, reka bentuk, warna dan/atau saiz akan ditentukan oleh Penganjur dan diberikan secara rawak. Sebarang permintaan pemilihan, pertukaran atau penyesuaian tidak akan dilayan.
- 6.8 Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
- 6.9 Semua Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pengilang dan/atau pembekal Hadiah (jika berkenaan). Sebarang kecacatan, kerosakan atau isu berkaitan Hadiah hendaklah dirujuk terus kepada pengilang atau seperti yang dinyatakan dalam kad jaminan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkhidmatan selepas jualan, penyelenggaraan atau tuntutan jaminan bagi Hadiah tersebut.
- 6.10 Pemilihan Pemenang akan dibuat secara rawak daripada semua penyertaan yang layak, tertakluk kepada terma, syarat dan mekanisme Peraduan yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.11 Pemenang akan menerima hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas peraduan tamat.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dihantar untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Bahan"), dan nama Peserta, dan/atau yang setara, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta mesti melakukan semua perkara yang perlu jika diminta oleh Penganjur untuk tujuan ini.

8. Hak Milik Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubahsuai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekali pun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya keatas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("**Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.**"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, **Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.**, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggung jawab ke atas mana-mana peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekali pun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tandatangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat **Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.**

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

11.5 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

12.1 Dengan menyertai mana-mana Peraduan kami, anda telah bersetuju dengan **Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.** dan mana-mana syarikat kumpulan **Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.** serta penyedia perkhidmatan, ejen dan kontraktor yang menyediakan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami serta bertindak bagi pihak kami ("**Pelantikan Pihak Ketiga**") (secara kolektif "**Penganjur**" atau "**kami**") untuk memproses maklumat peribadi anda yang dihantar dalam borang penyertaan / dalam talian untuk tujuan Peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada umum apabila anda menjadi pemenang dalam pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar dan maklumat peribadi anda yang lain tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan pemasaran dan promosi mengenai produk, perkhidmatan, sampel, promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 12.4 Berkenaan dengan bawah umur atau individu yang tidak mempunyai keupayaan undang-undang untuk memberi persetujuan, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan, untuk memberi persetujuan bagi pihak mereka untuk memproses maklumat peribadi mereka mengikut notis privasi ini.
- 12.5 Pada suatu ketika, Penganjur mungkin melantik Pihak Ketiga untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak Ketiga yang dilantik terikat secara kontrak untuk mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat itu selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dengan cara lain selain daripada yang dinyatakan dalam dasar atau notis privasi yang terpakai.
- 12.6 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemas kini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.

Suite 28.01, Level 28,
Menara Citibank, 165 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

- 12.7 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam tujuan Peraduan kami dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

13. Terma dan Syarat Lain

- 13.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan. Penganjur berhak untuk mengubah dan/atau memadam mana-mana Terma & Syarat Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada mana-mana pihak, dan Peserta dengan ini bersetuju untuk terikat dengan sebarang perubahan dan/atau pemadaman tersebut.
- 13.2 Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah mekanisme Peraduan, meminda, menarik balik, menggantung atau menamatkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada mana-mana pihak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan Peraduan ini atau mana-mana bahagiannya tidak akan melayakkan Peserta untuk menuntut sebarang pampasan daripada Penganjur (sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan) atas sebarang perbelanjaan, kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan pindaan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

[TAMAT]